



KERAJAAN MALAYSIA

Kemudahan Kad Nama

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM	2
WP 2.4 Kemudahan Kad Nama	2
1. Tujuan.....	2
2. Peraturan Pemberian Kad Nama	2

KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

WP 2.4 Kemudahan Kad Nama

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan berhubung kemudahan Kad Nama kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Kementerian/Jabatan Persekutuan.

2. Peraturan Pemberian Kad Nama

- 2.1 Kemudahan Kad Nama ini boleh disediakan oleh Kementerian/Jabatan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional sahaja.
- 2.2 Maklumat yang perlu ada pada Kad Nama adalah seperti berikut:
 - 2.2.1 nama pegawai;
 - 2.2.2 jawatan pegawai;
 - 2.2.3 nama dan alamat Kementerian/Jabatan/Agensi;
 - 2.2.4 nombor telefon, faks dan emel pejabat; dan
 - 2.2.5 maklumat-maklumat lain yang perlu.
- 2.3 Kadar kos percetakan Kad Nama adalah maksimum RM1.00 sekeping.
- 2.4 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan perkara berikut:
 - 2.4.1 menentukan keperluan bilangan penyediaan Kad Nama kepada pegawai yang layak supaya bersesuaian dengan tugas pegawai. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan perlu membuat kawalan bagi mengelak berlakunya pembaziran;
 - 2.4.2 menentukan rekabentuk Kad Nama yang bersesuaian; dan
 - 2.4.3 sedapat yang boleh membuat tempahan Kad Nama secara pukal supaya lebih menjimatkan.